



# Puasa sempurna lahirkan Muslim bertakwa

Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

Hasil utama ibadat puasa ialah takwa. Ketakwaan terbentuk selepas mengharungi cabaran menahan diri sepanjang sebulan Ramadan.

Allah SWT berfirman dalam **Surah Al Baqarah, ayat 183** yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, mudah-mudahan kamu bertakwa."

Takwa boleh ditakrifkan dengan pelbagai cara tetapi perbualan antara Umar ra dengan Ubay bin Ka'ab ra memberikan kepada kita gambaran intipati takwa

secara jelas.

Ketika Umar bertanyakan pendapat Ubay mengenai takwa, beliau menjawab dengan melontarkan persoalan kepada Umar: "Adakah engkau pernah melalui satu jalan yang berduri?"

Lalu Umar menjawab: "Pernah." Maka Ubay melanjutkan soalannya lagi. "Apakah yang engkau lakukan ketika melalui jalan itu?" Jawab Umar: "Aku melangkah dengan penuh waspada dan hati-hati." Lalu Ubay membalas: "Itulah takwa."

Puasa yang dilakukan dengan sempurna akan menghasilkan takwa. Ia akan melahirkan seorang muslim yang taat, berakhlik mulia dan sentiasa menjauhi perbuatan sia-sia.

Individu bertakwa juga sentiasa terkawal dan menjaga setiap tutur katanya sesama insan sama ada ketika bersama orang Muslim atau bukan Muslim.

Ramadan mendidik dan membentuk diri orang beriman untuk mendekatkan diri kepada Maha Pencipta. Hati yang selama ini agak jauh ternyata mampu tersentuh dan terpaut semula dengan Allah SWT untuk mencari keredaan dan keampunan-Nya.

Ramadan juga membolehkan umat Islam sedaya upaya membataskan diri daripada perkara yang bertentangan dengan syariat termasuk tingkah laku serta kata-kata yang tidak elok.

Kemungkinan

berlakunya pengurangan jemaah ke masjid atau surau pada pertengahan Ramadan, namun jangan pula setengah pihak mengambil sikap menyindir akan keadaan itu.

Sebaliknya, berikan kata-kata semangat, sokongan dan rangsangan kepada sidang jemaah supaya mereka dapat terus menghadirkan diri ke masjid dan surau.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Puasa itu pelindung, jika seseorang daripada kalian sedang berpuasa, maka janganlah berucap dengan ucapan yang buruk dan berteriak. Jika seseorang menghinanya atau menyerangnya, maka hendaklah dia mengatakan:

"Sesungguhnya aku sedang berpuasa."

Begitulah akhlak yang diajarkan kepada kita semua yang beriman supaya sentiasa menjaga peribadi tingkah laku sama ada ketika berurus dengan manusia atau ketika seorang diri.

Pada awal Surah

**al-Baqarah, ayat 3 dan 4**,

Allah SWT memperincikan orang-orang yang bertakwa itu dengan beberapa sifat antaranya mereka yang beriman dengan perkara yang ghaib, mendirikan solat, orang yang mendermakan sebahagian rezeki

dikurniakan Allah SWT, mereka yang beriman kepada kitab al-Quran dan kitab yang diturunkan sebelumnya dan yakin dengan kehidupan akhirat.

Ali bin Abi Talib ra pula membahagikan makna takwa itu kepada empat bahagian iaitu takut kepada Allah SWT, beribadat mengikut panduan wahu yang ditetapkan, reda dengan apa yang diberikan Allah SWT dan mempersiapkan diri dengan amalan untuk menghadapi hari pembalasan.

Sebagaimana setiap organisasi mempunyai cara tersendiri untuk menilai prestasi setiap pekerja, begitu juga seorang Muslim akan dinilai prestasinya melalui tahap ketakwaan mereka kepada Allah SWT.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)**